

## KARTUN BERTEMAKAN DAKWAH ISLAMIYAH ATAS TALIAN: INTERPRETASI DAKWAH SATIRA DAN SARKASTIK

Fazlina Mohd Radzi<sup>1</sup>, Azahar Harun

### ABSTRAK

#### E-JITU

Acceptence date:  
1st Mac 2019

Valuation date:  
9<sup>th</sup> April 2019

Publication date:  
30<sup>th</sup> April 2019

*Kajian ini bertujuan untuk mengkaji akan kesan penyampaian kartun indie yang menggunakan pendekatan dan pengisian berbentuk dakwah Islam dan cara khususnya. Disamping itu, pengkaji turut akan menyusuri permulaan dan perkembangan kartun di Malaysia secara ringkas dari awal zaman sebelum kemerdekaan, kemudian zaman kegemilangan kartun melayu pada tahun 80an dan 90an. Selain itu, kemunculan para kartunis indie yang secara separa masa hadir memenuhi ruangan kartun Malaysia dengan memuat naik melalui halaman 'facebook', instagram dan juga melalui laman blogspot pribadi di atas talian internet. Pendekatan kajian dan penulisan adalah berdasarkan apresiasi bentuk dan makna karya dan konteks penghasilannya. Metodologi sejarah seni berasaskan analisis mengikut konteks (contextual analysis) dijadikan asas di dalam pengkajian ini. Merangkumi aspek deskripsi, analisis, interpretasi dan pertimbangan digunakan sebagai panduan dalam penelitian karya. Bolehlah disimpulkan karya kartun dakwah Islamiyah di atas talian kini menjadi lebih baik penerimaannya dan kekal dengan elemen sindiran satiranya.*

Kata Kunci: kartun-editorial, agama, dakwah, islam, kritikan, satira, sarkastik, sindiran.

### PENDAHULUAN

Memetik dari Kamus Pengetahuan Islam, Dakwah ialah “suatu usaha atau perjuangan suci untuk mengubah suatu keadaan yang belum Islam kepada keadaan yang mempunyai nilai-nilai Islam (Haji Dusuki melalui Mulyadi, 2016). Secara umumnya, perkataan dakwah berasal dari bahasa Arab yang menjadi

<sup>1</sup>Jabatan Pengajian Liberal, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka UiTM Cawangan Melaka

bentuk masdar yang bererti seruan, panggilan atau ajakan. Seruan dalam dakwah bertujuan untuk mengajak seseorang baik dalam melakukan sesuatu kegiatan atau dalam merubah pola serta kebiasaan hidup. Dari kata Seruan, Dakwah memiliki banyak arti yang bisa digunakan secara luas tidak hanya dalam Agama, dimana kata Dakwah sering digunakan namun Seruan yang diberikan bisa dimaknai dalam hal positif maupun negatif. Memetik ungkapan sabda Rasullullah s.w.t, Dari Abu Sa'id Al Khudri radiallahuanhu berkata;

*“Barangsiapa yang melihat kemungkaran, maka cegahlah dengan tanganmu, apabila belum bisa, maka cegahlah dengan mulutmu, apabila belum bisa, cegahlah dengan hatimu, dan mencegah kemungkaran dengan hati adalah pertanda selemah-lemah iman”*

Masakini berbagai orientasi dakwah terdapat dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran dan pengahayatan Islami. Ada yang memilih orientasi haraki (gerakan), terdapat juga yang memilih orientasi siasi (politik), berkembang juga orientasi “tablighi” dan tidak kurang juga cenderung ke arah orientasi sufi bagi mencapai keberkesanannya dalam kefahaman dan amal Islam (Sidek Baba, 2012). Kewajipan berdakwah dituntut ke atas setiap individu yang mukalaf dan berdaya. Syarat berdaya atau mampu perlu difahami dengan betul. Tidak semua insan di muka bumi ini memiliki keupayaan yang sama. Bergantung akan kehendak upaya seseorang individu itu bagi menyampaikan maksud dakwah itu kepada golongan sasaran. Bergantung pada penyataan tersebut, para kartunis indie ini turut mengambil bahagian dalam menyampaikan dakwah kerana menyedari saluran dakwah menggunakan kartun adalah teknik penyampaian yang berkesan, tambahan pula, golongan yang di sasarkan adalah kanak-kanak dan remaja yang masih merupakan peringkat awal dalam menuju kedewasaan. Namun tidak dinafikan, golongan dewasa merupakan kelompok terbesar yang mengikuti kartun-kartun indie yang di siarkan melalui atas talian.

Kegiatan dakwah merupakan salah satu perbuatan di dalam agama Islam dalam menyampaikan. Penggunaan unsur dakwah atau bercirikan keagamaan telah lama bertapak malah diterima dengan amat baik oleh pembaca Malaysia. Dengan kemunculan kantun-kartun indie yang dimuat naik melalui Facebook semakin mendapat perhatian pembaca Malaysia yang begitu berminat dalam memupuk rasa kecintaan terhadap agama. Dakwah di dalam kartun sememangnya amat penting dalam persempahan lukisan kerana ianya bersesuaian bagi tujuan pendidikan dan santapan kerohanian pembaca muslim. Pendekatan dakwah melalui kartun telah lama diadaptasikan melalui penerbitan majalah-majalah kartun seperti Lanun, Ana Muslim, Muslim Teens dan sebagainya. Ianya ditambahserikan lagi dengan kemunculan sekelompok kecil kartunis-kartunis indie yang menyampaikan nada mesej dakwah. Namun adakah ianya benar-benar dakwah? Ataupun segelintir di kalangan mereka ini menggunakan tiket dakwah

Islamiyah untuk menyindir (sarcasm) yang mana ianya sama sekali tiada di dalam ajaran agama Islam. Apakah kaedah yang di sampaikan oleh para kartunis indie ini dalam niat untuk bercerita kepada para pembaca sasaran mereka

## OBJEKTIF & KAJIAN KES

Menganalisis karya-karya kartun berbentuk Islamik yang dimuatnaik melalui laman sosial Facebook dan Instagram, bagi memahami gaya penyampaian dakwah yang di sampaikan oleh para kartunis indie ini sama ada ianya berbentuk satira atau sarkastik. Pemilihan karya pula, pengkaji memilih lima orang kartunis indie yang prolifik dengan kartun-kartun yang bertemakan dakwah dan sindiran tajam iaitu Imanemex, Hxsm, Lukisan Dakwah Islam (Farish Artz), Mfrstudio (Ibnmukhtar), Azme dan Komik Sarkazam (Rasyadan). Pemilihan karya-karya di atas talian ini adalah kerana ianya lebih mudah untuk di akses oleh semua pengguna maya dan lebih cepat sampai kepada golongan sasaran, berbanding hasil karya kartun yang diterbitkan secara konvensional.

### Permulaan Kartun Dakwah Di Malaysia

Melalui Mulyadi Mahamood yang bertajuk Kartun dan Kartunis di Malaysia, menerusi bab yang bertajuk Kartun sebagai Media Dakwah, telah pun bermula sejak era sebelum merdeka lagi. Kartun-kartun oleh Abu Bakar Mohd Nor, Abd Manan, Abdullah Abs, S.B Ally dan Ali Sanat banyak mengkritik masyarakat yang terpedaya dengan kehidupan hasil kesan dari penjajahan, lalai dengan kemewahan dan sebagainya. Menerusi kartun editorial mereka, ianya disampaikan dalam bentuk nasihat dan juga kritikan agar mengubah perangai dan mengamalkan ajaran Islam agar hidup menjadi lebih sempurna.

Kemunculan majalah Gila-Gila pada tahun 1 April 1978, yang merupakan majalah kartun Melayu yang berinspirasikan dari majalah MADS dari Amerika Syarikat. Mesej dakwah yang disampaikan menerusi penceritaan yang mempunyai nilai-nilai moral dan pendidikan terutamanya dalam karya-karya Rejabhad atau lebih dikenali dengan panggilan Pak Jab.

Tidak kurang juga dengan karya-karya Lat menerusi Kampung Boy yang mana kerap memaparkan kehidupan Mamat dan rakan-rakannya sebagai budak kampung yang menjalani rutin seharian dan mengamalkan ajaran Islam seperti berwudhuk, mengaji, dan berakhlik mulia.

Majalah Bujal yang diterbitkan pada tahun 80-an mula menjadi buatan dikalangan kanak-kanak dan mendapat reaksi yang sangat positif kerana memaparkan karakter yang nakal sikapnya tetapi cerdik. Sesuai dengan slogan yang digunakan “Berhibur Sambil Belajar”, memaparkan watak utama seorang

budak lelaki dengan beberapa watak pendamping yang menerokai kehidupan zaman kanak sambil menyelitkan unsur pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, penggunaan tulisan jawi di dalam beberapa kolumn majalah tersebut serba sedikit memberi impak terhadap kanak-kanak sekolah untuk mencintai tulisan jawi. Kebangkitan beberapa majalah di Malaysia menggunakan pendekatan dakwah dan menyelitkan unsur-unsur Islamiyah ini amat berkaitan dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang diperkenalkan pada tahun 1971, yang lahir dari Gagasan Kongres Kebudayaan Kebangsaan yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, di bawah kelolaan Tun Ghazali Shafie.

Kehadiran kartun-kartun berbentuk dakwah semakin mendapat tempat dengan penerbitan beberapa majalah kartun yang menjuruskan tentang dakwah Islam membajiri pasaran di Malaysia, malah majalah Ujang pernah beberapa kali dalam terbitannya pada pertengahan 90'an, memaparkan beberapa sisipan dakwah di dalam kartun-kartun mereka seperti memaparkan beberapa petikan al-Quran dan hadith riwayat nabi, sebelum memutuskan untuk menerbitkan versi penuh majalah kartun dakwah mereka iaitu Varia Lawak dan Lanun pada tahun 1997. Kesinambungan dan penghasilan kartun dakwah ini masih lagi diteruskan dengan kemunculan beberapa majalah kartun berteraskan Islamik dan dakwah untuk kanak-kanak dan remaja seperti Ana Muslim, Aulad, Raihan Rangerz, UOK serta beberapa lagi yang mewarnai dunia majalah komik dan kartun di Malaysia. Penerimaannya pula semakin mendapat tempat kerana sasaran pembacanya adalah kanak-kanak dan pelajar-pelajar sekolah rendah.

### Dakwah Menurut Islam

Dalam konteks dakwah Islam yang pertama bermula pada zaman Nabi Muhammad s.w.t diangkat menjadi Rasulullah yang terakhir setelah turunnya wahyu yang pertama dari surah al-'Alaq 96:1-5 yang menyatakan tentang pelantikan Muhammad sebagai Nabi dan Rasul.,

Maksudnya:

*"Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku; Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya."*  
(surah al-'Alaq 96: ayat 1-5)

Allah S.W.T telah menurunkan ayat dari surah al-Muzammil 73:1-8 yang menurut para Ulama merupakan suatu himpunan ayat yang merupakan metode (manhaj) pendidikan dalam diri pendakwah sebelum mendakwahkan orang lain. Bahawa seseorang manusia yang berhasrat muhu mendakwahkan orang lain,

haruslah memperbetulkan diri mereka terlebih dahulu. Melarang seseorang atau menegur akan kesilapan yang di lalui oleh orang lain, maka dirinya perlulah terhindar dari segala perbuatan jahat itu. Menjadi satu perkara dan persoalan adakah para kartunis-kartunis indie ini mengamalkan apa yang disarankan.

### Definisi Dakwah

Berakarkan dari bahasa Arab, ia adalah bentuk dari isim masdar yang berasal dari kata kerja iaitu da'a (اعاد), yad'u ( وعد) , da'watan ( دعوه) yang membawa maksud menyeru, mengajak, memanggil, menjemput, menjamu dan memandu. (Muhsin Mustakim,2019). Definisi ini tiada yang lain, selain dari membentuk manusia menuju ke arah kebaikan dengan dan meninggalkan kemungkaran.

### Sindiran di dalam Kartun

Pengisian Kartun Malaysia boleh dikatakan terbahagi kepada dua bentuk sindiran. Menurut Kamus Dewan edisi ke empat, perkataan sindiran (sarcasm) berasaskan dari perkataan akar sindir iaitu perkataan yang digunakan utk mengata (mengejii, mengejek, mencela) orang tidak dengan terus terang atau dalam erti kata lainnya sebagai kiasan. Manakala bentuk keduanya pula sindiran dengan menggunakan representasi atau simbolik akan sesuatu objek sebagai ganti sesuatu perkara kerana ianya mesej itu tidak sampai secara menerus. Perlu diakui, mengaplikasikan subjek kartun bernada sindiran adalah perkara yang melucukan. Para pembaca mudah terhibur dan mudah menangkap jika sesuatu isu menjadi perkara yang diperkatakan.

Menurut Kamus Dewan Bahasa, maksud satira adalah karya (prosa atau puisi) yg mem-persendakan atau menyindir orang dan lain-lain.(Kamus Pelajar Edisi Kedua). Satira atau Satire juga bermaksud karya yang memuatkan sindiran dan cemuhan terhadap tingkah laku manusia, ianya dihasilkan dengan maksud untuk menimbulkan kesedaran. (Rahman Shaari, 2002).

Menurut Kamus *English Oxford Living Dictionary*, satira bermaksud penggunaan humor, ironi, yang ditokok tambah, atau cemuhan untuk mendedahkan dan mengkritik kebodohan atau kejahatan orang, khususnya dalam konteks politik kontemporari dan isu-isu semasa. Manakala sindiran (sarcasm) pula penggunaan ironi untuk mengejek atau menyampaikan penghinaan. Maksud perbezaan bagi kedua-kedua perkataan ini jelas memberi penyataan, dimana penggunaan satira adalah kritikan dalam bentuk yang lebih positif, dan sering dinukilkan di dalam bentuk karya penulisan dan seni visual secara halus. Manakala sindiran atau sarcasm pula tampak kasar dan gelap gambaranya.

Menerusi *pediaa.com*, sebuah laman web yang menyediakan sumber maklumat berbentuk gambar rajah bagi membantu untuk mencari perbezaan akan sesuatu perkataan, topik, isu dan sebagainya. Menerusi laman tersebut, disenaraikan perkara-perkara yang membezakan di antara maksud Satira dan Sindiran.

SATIRA	SARKASTIK
Mendedahkan ketidakbijaksanaan dan kelemahan akan sesuatu masyarakat	Memomok dan lebih kepada berbentuk penghinaan
Lebih berbentuk kritikan membina	Menyindir tapi dalam hadir dalam bentuk memuji.
Mencetuskan humor dan gelak tawa pembaca	Menghina seseorang dan menyebabkan seseorang itu terasa hati/sedih
Terus menerus kepada penonton yang lebih besar skalanya	Penonton yang berskala kecil
Satira lebih kepada genre sastera dan kerap digunakan dalam bentuk penulisan ilmiah.	Lebih digunakan dalam bentuk percakapan dan perbualan.

Di dalam Islam sendiri menekankan akan kemahiran berkomunikasi, dan ianya amat di tekankan bagi memudahkan manusia lebih memahami bagi maksud dakwah yang cuba disampaikan. Para Rasul dan Nabi terdahulu menjadi pilihan kerana kebolehan dan kemahiran mereka berkomunikasi dalam menyampaikan dakwah bagi menyeru manusia ke jalan Allah. (Aris, 2012). Malah di akui, Nabi Muhammad S.W.T mempunyai kemahiran yang tinggi dalam berkomunikasi dengan umatnya. Abu Dawud meriwayatkan;

*Daripada Aisyah radiallahhu anha, katanya: “Adalah percakapan Rasulullah itu jelas nyata dan difahami oleh setiap orang yang mendengarnya.”*

(Riwayat Abu Daud)

Berbeza dengan keupayaan komunikasi berbentuk verbal, kartun adalah komunikasi berbentuk visual yang agak kompleks. Sindiran menjadi salah satu kemestian. Penggunaan simbolisma, Pelabelan, Analogi, dan Ironi merupakan teknik persuasif di dalam kartun editorial/politikal. Di sini pengkaji ingin menerokai sebahagian kartunis indie yang cenderung terhadap penghasilan kartun yang menjurus ke arah didikan agama Islam atau dalam erti kata lainnya dakwah.

Tahun demi tahun, berlaku kemerosotan yang ketara terhadap jualan majalah-majalah kartun di pasaran tempatan. Mengambil contoh, majalah kartun ikonik seperti Ujang dan Apo? telah pun menghentikan penerbitannya pada 6 Ogos 2015. Menurut kenyataan rasmi yang dikeluarkan oleh syarikat

berpangkalan di Subang Jaya, Selangor itu, faktor utama penutupan adalah disebabkan kos operasi sudah tidak mampu menampung penerbitan majalah (Kosmo, 2015:22). Sebahagian ada berpendapat, kurangnya jumlah pembaca berkemungkinan dari minat mereka kini lebih menggemari bahan bacaan yang dimuat naik atau di sebarkan melalui internet. Selepas Majalah Varia dan Lanun ditamatkan penerbitannya, tiada lagi majalah kartun yang benar-benar mengenangkan konsep dakwah yang berterus terang kerana sasaran pembaca mereka adalah kebanyakkan pelajar sekolah menengah dan juga dewasa. Maka dengan itulah, sebahagian kartunis indie ini menjadi penyambung akan konsep yang pernah diketengahkan oleh Majalah Lanun dan Varia Lawak ini. Nama-nama seperti Imanemex, Hxsm, Lukisan Dakwah Islam, Mfrstudio, Azme dan Komik Sarkazam adalah diantara mereka yang begitu menonjol dan membawa mesej dakwah kepada pembaca. Memilih Facebook sebagai saluran media utama mereka, ini kerana mereka menyedari keberkesanan laman sosial ini terhadap para pembaca Malaysia.



Illustrasi 1: Hawa Nafsu oleh MfrStudio

Mfrstudio Ibnmukhtar memulakan karyanya seawal tahun 2014, tidak begitu spesifik dengan watak atau teraju utama di dalam kartunya. Mengambil pendekatan yang amat menyamai kartun untuk majalah berbentuk Islamik, gemar menggunakan isu semasa atau perkara yang menjadi tular di laman sosial. Cara penyampaian visual beliau jelas dan terus kepada para pembaca. Kartun beliau ini mengambil kisah dari seorang usahawan lelaki produk kecantikan yang sebelum ini menjalani kehidupan sebagai seorang wanita, ingin kembali ke pangkal jalan

untuk menjadi lelaki semula tetapi di cemuh dan dihina oleh sekumpulan manusia yang menuduh beliau tidak ikhlas, mempergunakan agama dan cuba menarik simpati orang ramai, dan menganggap penghijrahan beliau sebagai sandiwara. Dakwah oleh kartunis Ibnmukhtar ini jelas tanpa selindung tentang sifat sesetengah manusia yang gemar mengeji dan menghina, dan ianya masih lagi berlaku apatah lagi dengan platform ruangan komen di Facebook sering di salah gunakan untuk memperkatakan sesuatu perkara negatif secara bebas. Ibnmukhtar turut menyelitkan petikan atau sepotong ayat dari hadith sebagai kunci penerangan di dalam kartun beliau. Pendekatan yang dibawa oleh Ibnmukhtar merupakan dakwah secara terus, tidak mempunyai lapisan sindiran yang kompleks kerana beliau menggunakan konsep sekiranya hilang pedoman atau kehilangan jawapan, maka kembalilah kepada al-Quran dan Hadith.

Komik Sarkazam, hasil karya kartunis Rasyadan mendapat pengiktirafan dari laman web **Says.com** (*13 Malaysian Cartoonists You Should Follow For Your Daily Dose of Awesomeness*) kerana olahan kisah di dalam kartun beliau begitu sinonim dengan sifat dan perbuatan masyarakat Malaysia. Kemunculan Komik Sarkazam bukan bermaksud untuk menjadi tempat untuk mencetuskan perbalahan dan kata-kata menyakitkan hati, hujah-hujah yang tidak berkesudahan, atau cara negatif yang lain, tetapi hanya untuk memberikan perspektif yang berbeza dalam menangani isu-isu harian, kebanyakannya melibatkan isu-isu berasaskan kaum dan agama. Menurut beliau juga "Komik Sarkazam menawarkan maklumat yang mudah dan berterus-terang tentang Islam kerana ia adalah jelas bahawa bukan Islam menghadapi masalah memahami apa yang sedang berlaku dalam dunia Islam, terutamanya di Malaysia. Daripada menunjukkan apa salahnya dengan agama-agama lain, saya memilih untuk menunjukkan apa yang baik tentang Islam sebagai salah satu matlamat utama Komik Sarkazam." Mengambil isu tentang kehadiran Pendakwah Islam yang berasal dari India, Dr Zakir Naik di Malaysia menjadi perbualan hangat di media sosial. Konsep yang digunakan oleh kartunis Rasyadan ini adalah ‘sebelum dan sesudah’, juga adakalanya menggunakan konsep ‘persepsi dan kebenaran’ kerana yang tema yang di bawa oleh komik Perangai Orang Kita adalah mengenai apa yang sepatutnya dilakukan atau dilaksanakan oleh orang kita (orang Islam Malaysia), iaitu mengambil peluang akan kehadiran Dr. Zakir Naik untuk menambah ilmu, merebut peluang untuk bertanyakan soalan-soalan keagamaan. Ini yang dinamakan persepsi, tapi berbeza kerana kebenarannya tidak begitu, kerana ada diantara mereka memilih untuk menjatuhkan hukum tanpa usul periksa. Cara pembawakan cerita menerusi kartun oleh kartunis Rasyadan hampir sama dengan kartunis Ibnmukhtar namun yang membezakannya adalah Ibnmukhtar mengakhirinya dengan kesimpulan dan kesedaran bersandarkan petikan ayat al-Quran dan hadith nabi. Meskipun kartunis Rasyadan menamakan komik beliau sebagai sarkastik, namun ianya lebih kepada berbentuk satira.

Isu pemakaian tudung telah menjadi perdebatan sejak bertahun-tahun lamanya. Walaupun membincangkannya agak sensitif bagi sesetengah pihak, berbeza dengan kartunis indie, mereka bebas meletakkannya sebagai tema di dalam karya mereka. Mengambil isu popular tentang seorang artis wanita yang mengambil keputusan untuk tidak lagi memakai tudung, kartunis Hxsm dan Azme mengupas tentang sikap segelintir masyarakat melayu islam yang terlalu cepat menghukum, merasakan diri mereka sudah cukup maksum dalam hal-hal berkaitan agama. Sikap sinis yang ditonjokan yang di panggil maleis (perkataan lain bagi melayu), satu ungkapan urban slang yang bermaksud sikap tipikal melayu yang gemar melempar batu sembunyi tangan. Karya Hxsm begitu menyamai gaya kartunis Zunar dan Amin Landak yang lantang mengkritik dengan sindiran tajam. Mengambil situasi seorang bapa yang baru menerima kelahiran anak/bayi perempuan, lantas menghamburkan kata-kata tajam seperti ‘mana tudung?’ dan ‘anak celaka’. Tidak ditujukan kepada mana-mana individu, ianya lebih bersifat menyeluruh menyentuh sikap segelintir masyarakat Malaysia yang jumud pemikirannya. Disebalik makna kartunis Hxsm menggunakan bayi yang baru dilahirkan sebagai simbol adalah kerana bayi yang baru dilahirkan adalah suci dari segala dosa, masih naif dan perlu diberi tunjuk ajar. Maka menjadi tanggungjawab masyarakat untuk membimbing, dan mendidik, bukan yang sebaliknya.

Manakala kartunis Azme, tidak terlalu radikal namun berlapik. Gurisan gaya beliau menyamai gaya manga, dengan watak utamanya, seorang gadis muda bertudung yang menegur insan lain yang secara terangan tidak ada rasa takut dalam memperkatakan hamba Allah yang lain. Sikap ini digambarkan sebagai “Sibuk menjaga tepi kain orang lain, kain sendiri yang terkoyak.” Allah S.W.T berfirman:

*“Dan demi sesungguhnya Kami telah huraikan dengan berbagai-bagai cara di dalam al-Quran ini untuk umat manusia, daripada segala jenis contoh bandingan, dan sememangnya manusia itu sejenis makhluk yang banyak sekali bantahannya”*

(Surah al-Kahfi 18:54)

Petikan firman ini mengupas tentang sikap lumrah manusia yang bersikap suka menentang dan berlawanan nafsunya tanpa mengira benar atau salah, Tidak berpuas hati dalam banyak perkara, suka mengkritik orang lain tanpa melihat

kekurangan dirinya sendiri, merasakan lebih pandai daripada orang lain dan susah menerima teguran (Mohd Fadli Sulaiman, 2004)

Bukan setakat perkara tular yang menjadi keutamaan dalam penghasilan karya kartun di internet. Isu-isu biasa tapi masih lagi relevan dengan masyarakat hari ini turut menjadi pilihan para kartunis indie ini. Teguran secara halus ini yang digunakan oleh Imanemex dan Lukisan Dakwah Islam dalam menyampaikan kisah mereka kepada pembaca. Kartun Anime vs Al-quran adalah teguran kepada penganut Islam yang begitu mengutamakan hiburan berbanding ibadah. Sanggup bersengkang mata di depan skrin komputer, namun cepat mengantuk selepas membaca beberapa helaian ayat suci al-Quran. Manakala Lukisan Dakwah Islam pula mengambil situasi seorang anak yang tinggal di perantauan namun mengambil sikap acuh tak acuh selepas menerima panggilan tentang kecelakaan yang menimpa ayahnya. Namun berlaku sebaliknya, si ayah dan ibu terus muncul dimuka pintu rumah si anak setelah terdengar suara anaknya mengadu kesakitan di telefon. Kartunis Farish Artz mengangkat tema kasih sayang antara ibu bapa terhadap anak mereka. Biar mungkin anak telah melupakan ibu bapa, namun ibu bapa tak pernah mengabaikan anak mereka. Bukan sikap manusia kepada insan manusia yang lain, tapi lebih kepada diri sendiri yang alpa dengan diri sendiri sehingga lupukan perkara yang lebih afdhal.



Illustrasi 2: Kartun Anime Vs Al-Quran oleh Imanemex

## KESIMPULAN

Penyampaian kartun dakwah telah menjadi semakin berkembang sejak kemunculan majalah-majalah kartun terdahulu yang menyelitkan unsur

pengajaran di dalam karya kartun mereka. Seiring dengan itu juga penerimaan pembaca kartun juga semakin bertambah berikutan perubahan zaman dan isu sosial di kalangan masyarakat umum, menjadi satu tanggungjawab kepada para kartunis indie ini untuk menyampaikan teguran mereka dalam cara yang sebaik mungkin.

Dapatan dari kajian ini juga mendapati, secara keseluruhan kartun-kartun dakwah Islam yang dimuatnaik oleh para kartunis indie ini berada di tahap sindiran berbentuk satira. Ada juga beberapa daripadanya mendapat sedikit suntikan sarkastik bagi menguatkan lagi penyampaian visual kartun dan komik masing-masing namun dihiasi dengan penilaian positif.

Penggunaan internet yang mudah di akses di mana sahaja pula telah mengambil alih kehidupan secara total dan ini menjadikan platform yang sangat sesuai terhadap para kartunis indie ini mendekati para pembaca kartun mereka. Penerapan Dasar Budaya Kebangsaan 1977 turut menjadi pencetus utama akan kehadiran kartun-kartun berunsurkan dakwah ini, di mana prinsip ketiga yang menekankan Islam menjadi unsur terpenting di dalam pembentukan budaya kebangsaan.

### **Penghargaan**

Penulis ingin merakam penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (MOHE) kerana menaja kajian ini melalui geran penyelidikan Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) dengan no penaja FRGS/1/2015/SS03/UITM/02/7.

### **RUJUKAN**

- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus (2001), “Sejarah Dakwah” Utusan Publication, hlmn 3-4
- Dusuki bin Haji Ahmad (1976), Kamus Pengetahuan Islam,
- Fazlina Mohd Radzi (2015), “Kartunis Indie Facebook: Kritikan Politikal Dan Sosial Menggunakan Peribahasa Melayu Lama”, dlm Seminar Antarabangsa ke 4 Arkeologi, Sejarah, & Budaya di Alam Melayu.  
<https://www.facebook.com/Imanimex-439108169573358/>  
<https://www.facebook.com/mfrstudioibnmukhtar/>
- Mohd Fadli Sulaiman (2004), “Kebahagiaan: Definisi Islam”, Utusan Publication
- Mohd. Aris bin Anis Ahmad bin Esa,2012,” Fungsi dan Peranan Komunikasi berimplikatur Dalam Budaya Masyarakat Melayu Islam” dlm World Conference on Islamic thought, 11 dan 12 September 2012, Kinta Riverfront Hotel, Ipoh.



Mulyadi Mahamood (2015), “Kartun dan Kartunis di Malaysia” Kuala Lumpur, Institut Terjemahan & Buku Malaysia.

Rahman Shaari (2002), “Bimbingan Istilah Sastera”, Utusan Publications

Shazwan Yusop, “Kos operasi melebihi keuntungan”, KOSMO, Aug 25, 2015

Sidek Baba (2012), “Dakwah Islamiyyah Dalam Mendepani Hegemoni Barat” dlm Seminar Dakwah Nasional, anjuran Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia, hlmn.1

Tom M. Williams (1970), “Pen Point Pulpit: A Cartoon Commentary on Religion and Morality”, Rusthoi Publications, Christian life.